

Headline	114 terima pingat kebesaran		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	19 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	314,321	Readership	1,964,000
Section	Setempat	Color	Full Color
Page No	25	ArticleSize	294 cm ²
AdValue	RM 10,858	PR Value	RM 32,574



114 terima pingat kebesaran

Alor Setar: Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Kedah Datuk Mukhriz Mahathir mengetuai senarai 114 penerima pingat dan darjah kebesaran Sempena Hari Keputeraan Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah Ke-86, hari ini.

Muhyiddin akan menerima Darjah Seri Setia Abdul Halim Mu'adzam Shah (SHMS) membawa gelaran Datuk Seri Diraja, manakala Mukhriz pula menerima Darjah Seri Paduka Mahkota Kedah (SPMK) membawa gelaran Datuk Seri.

Turut menyandang gelaran Datuk Seri ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bakar Bata yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Ahmad Bashah Md

Hanipah, yang disenarai penerima tunggal Darjah Seri Setia Diraja Kedah (SSDK).

Bagi Darjah Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (DHMS)

membawa gelaran Datuk Paduka, tiga penerima disenarai iaitu Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Datuk Mohd Puat Mohd Ali; Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Seri Syed Ismail Syed Azizan dan Pengerusi Yayasan Muhibah Tan Sri Datuk Dr Fng Ah Seng.

Sementara itu, 10 disenarai penerima darjah Gemilang Seri Mahkota Kedah (DGMK) membawa gelaran Datuk Wira. Mereka ialah Pegawai Kewangan Kedah Datuk Khazali Din; Pengarah Tanah dan Galian Kedah Datuk Muhammad Nor Rofie; Naib Canselor Universiti

Utara Malaysia (UUM) Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak; Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara Datuk Awang Kechik Abdul Rahman; Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Mej Jen Datuk Mohd Noor Daud; Datuk Paduka Maharajalela Istana Negara Mej Jen Datuk Md Tajri Alwi;

Ketua Polis Pulau Pinang Datuk Abd Rahim Hanafi; Pengerusi Eksekutif High Point Worldwide Sdn Bhd Datuk Abu Zaki Zakaria; Pengarah Urusan Setia Teknologi Sdn Bhd Datuk Majid Wan Chik dan Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Widad Datuk Muhammad Ikmal Opat Abdullah.

Turut disenarai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Strategik) Unit Penyelidikan Pelaksanaan (ICU)

Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Ab Ghani Ariffin dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Tan Sri Khalid Ramli, sebagai penerima Darjah Kebesaran Mahkota Kedah (DPMK), yang membawa gelaran Datuk.

Bagi Darjah Setia Diraja Kedah (DSDK) yang juga membawa gelaran Datuk, 68 penerima disenarai termasuk Ketua Seksyen (Asia Tenggara) The British Library di United Kingdom Dr Annabel Teh Gallop, selaku

penerima DSDK Kehormat.

Penerima lain DSDK termasuk dua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (AMMK) negeri Datuk Suraya Yaacob dan Mohd Rawi Abd Hamid, selain ADUN Gurun Dr Leong Yong Kong; Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah Datuk Azmi Che Husain dan Ahli Parlimen Kulim/Bandar Baharu Datuk Abd Aziz Sheikh Fadzir.


Turut disenarai 28 penerima Jaksa Pendamai (JP) termasuk AMMK negeri Da-

tuk Dr Ku Abdul Rahman Ku Ismail; Pengerusi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Datuk Seri Ng Yen Yen; Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Kedah Datuk Azimi Daim; Pengerusi Kraftangan Malaysia Datuk Sohaimi Shahadan dan Pengarah Eksekutif SAFZ Auto Sdn Bhd Datuk Muhammad Faizal Zainol.

Istiadat pengurniaan darjah dan bintang kebesaran akan disempurnakan Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah.



MUKHRIZ



AHMAD BASHAH



ADNAN